



## A-Z PROTECT

# Pelan perlindungan hayat mampu milik untuk rakyat Malaysia

Setiap orang berhak mendapat perlindungan. Lindungi diri anda dan orang tersayang apabila anda memerlukannya sambil kekal bebas daripada kebimbangan kewangan.



**Tawaran terjamin**, permohonan yang mudah tanpa memerlukan pengisytiharan kesihatan



**Liputan kematian** dan manfaat tunai hospital untuk Penghospitallan akibat Demam Denggi dan Jangkitan COVID-19



Premium permulaan ialah **RM80 setahun** sahaja, serendah **22 sen\*** sehari, tanpa mengira umur

\*Tertakluk kepada terma dan syarat

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad 198301008983 (104248-X)**

Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia Ahi PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))

# Jadual Manfaat Dan Premium

## Jumlah Manfaat (RM)<sup>5</sup>

Manfaat	Jumlah Manfaat (RM) <sup>5</sup>		
	Pelan 1 (Umur Permohonan 18 - 40)	Pelan 2 (Umur Permohonan 41 - 50)	Pelan 3 (Umur Permohonan 51 - 60)
A. Manfaat Kematian / Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (HUKM) <sup>1</sup>	8,000	5,000	3,000
B. Manfaat Tambahan untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>Kematian akibat Kemalangan; atau</li> <li>HUKM akibat Kemalangan; atau</li> <li>Kematian akibat Demam Denggi<sup>2</sup>; atau</li> <li>Kematian akibat Jangkitan COVID-19<sup>2,3</sup></li> </ul>	25,000	15,000	10,000
C. Manfaat Tunai Hospital untuk Penghospitalan akibat: <ul style="list-style-type: none"> <li>Kemalangan<sup>4</sup>; atau</li> <li>Demam Denggi<sup>2,4</sup>; atau</li> <li>Jangkitan COVID-19<sup>2,3,4</sup></li> </ul>	70/sehari	60/sehari	50/sehari

- 1 Sekiranya kematian atau HUKM (kecuali seperti yang terkandung dalam bahagian B) berlaku dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari Tarikh Terbitan Polisi, jumlah manfaat yang akan dibayar adalah terhad kepada Premium yang telah dibayar. Sekiranya kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19 berlaku dalam Tempoh Menunggu, jumlah manfaat yang akan dibayar adalah terhad kepada Premium yang telah dibayar dan tiada lagi manfaat akan dibayar di bawah bahagian B.
- 2 Tempoh Menunggu selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Terbitan Polisi atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana terkemudian.
- 3 Kami berhak untuk menghentikan atau menggantikan manfaat ini dengan memberi Anda sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis terlebih dahulu dan sebarang perubahan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.
- 4 Tertakluk kepada had sepuluh (10) hari secara keseluruhan bagi setiap Tahun Polisi untuk Manfaat Tunai Hospital untuk Penghospitalan akibat Kemalangan, Demam Denggi dan Jangkitan COVID-19.
- 5 Setiap pelan dikhaskan untuk kumpulan umur masing-masing sahaja. Contoh: Jika umur Anda 49 tahun, Anda hanya boleh memilih Pelan 2.
- 6 Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

### Nota:

Jumlah manfaat yang perlu dibayar terhadap Kematian, Kematian akibat Kemalangan, HUKM, HUKM akibat Kemalangan dan Kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19 yang dinyatakan di atas, di bawah semua sijil insurans POS LifeCare dan/atau polisi A-Z Protect yang dikeluarkan oleh Kami atas satu (1) hayat tidak boleh melebihi seratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000.00). Sekiranya manfaat Polisi yang disebutkan di atas tidak dibayar disebabkan oleh jumlah agregat manfaat yang perlu dibayar di bawah semua sijil insurans POS LifeCare dan/atau polisi A-Z Protect melebihi seratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000.00) setiap hayat, Premium yang telah Anda bayar untuk Polisi tersebut akan dikembalikan kepada Anda. Selepas itu, Polisi tersebut akan ditamatkan.

Tempoh perlindungan pelan ini adalah sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Anda mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun (hari jadi terdekat) atau sehingga penamatan Polisi, yang mana terdahulu.

## Premium Tahunan (RM)

Umur Tercapai (Hari Jadi Terdekat)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
18 - 40	80	-	-
41 - 50	120*	80	-
51 - 60	180*	120*	80
61 - 70	360*	240*	160*

\*Kadar ini adalah untuk pembaharuan sahaja.

Premium pembaharuan adalah tidak terjamin dan akan meningkat berdasarkan umur Anda semasa pembaharuan. Kami berhak mengubah kadar Premium dengan memberi Anda notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk ini (termasuk terma dan syarat, proses tuntutan, dsb.), sila layari [allianz.com.my](http://allianz.com.my) atau hubungi Allianz di **1 300 22 5542**.